

24/10/1998

IKS harus manfaat insentif cukai

PENGIKTIRAFAN kerajaan terhadap syarikat perdagangan menerusi insentif pengecualian cukai pendapatan 70 peratus harus dimanfaatkan oleh syarikat kecil dan sederhana (IKS) untuk menggembeling sumber bagi memasuki pasaran antarabangsa.

Timbalan Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Datuk Abdul Rahman Maidin, berkata walaupun tidak ada peruntukan khusus untuk sektor IKS dalam Belanjawan Negara 1999, pakej rangsangan yang dikemukakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mendorong kecergasan ekonomi secara keseluruhan.

"IKS boleh menyatukan sumber dan meningkatkan kegiatan pemasaran dan promosi jualan di peringkat antarabangsa dan menikmati pengecualian cukai bagi tempoh lima tahun," katanya.

Bagi mendapatkan taraf syarikat perdagangan antarabangsa, syarikat perlu mematuhi kriteria iaitu diperbadankan di Malaysia, mencapai jualan tahunan melebihi RM25 juta, sekurang-kurangnya 70 peratus ekuiti dipegang oleh rakyat Malaysia, memasarkan barangan kilang terutama dari sektor IKS dan mendaftar dengan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade).

Ketika mengumumkan insentif itu, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata, ia diberikan bagi menggalakkan syarikat perdagangan Malaysia lebih aktif dalam kegiatan perdagangan antarabangsa.

Pengerusi Persatuan Kontraktor Berwibawa Bumiputera (GBC), Azlan Awang, berkata Belanjawan Negara 1999 adalah konsisten dengan pelbagai langkah yang dicadangkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), mencerminkan pendekatan yang meyakinkan, menyeluruh dan terancang.

Menurutnya, penekanan terhadap perbelanjaan pembangunan infrastruktur akan mendorong kecergasan ekonomi dan memberi kesan baik kepada industri pembinaan menerusi kesan penggandaan yang ketara yang boleh menghidupkan semula hampir 120 industri bekalan bahan binaan dan bahan lain.

Kerajaan juga, katanya, mengambil langkah berani apabila membentangkan belanjawan defisit sebanyak RM16.6 bilion dan memperuntukkan RM4.04 bilion bagi projek prasarana, meliputi meliputi jalanraya dan jambatan, kereta api, pelabuhan dan penerbangan awam.

Menurut Azlan, dasar untuk mempermudah kredit dan kadar faedah lebih rendah juga membolehkan kontraktor menjalankan perniagaan dengan lebih berkecekapan dari segi aliran tunai dan berdaya saing.

GBC turut mencadangkan kerajaan terus memberi penekanan terhadap pemberian kontrak kepada syarikat kontraktor tempatan terutama Bumiputera.

"Ini akan menjimatkan dan mengelakkan aliran keluar ringgit dan pada masa yang sama memberi peluang pertumbuhan syarikat tempatan," katanya.

(END)